

**FAKTOR TARIKAN PELANCONGAN PANTAI: KAJIAN KES DI PANTAI
PORT DICKSON, NEGERI SEMBILAN
(FACTORS ATTRACTING BEACH TOURISM: CASE STUDY AT PORT DICKSON
BEACH, NEGERI SEMBILAN)**

MOHD. ANUAR MD. AMIN

ABSTRAK

Sektor pelancongan adalah merupakan sektor yang tidak kurang pentingnya dalam menjana pertumbuhan ekonomi negara. Krisis ekonomi yang melanda negara sejak akhir akhir ini memerlukan kerajaan memberi fokus yang lebih ke atas industri ini agar kemelesetan yang di hadapi dapat dipulihkan seberapa segera yang mungkin. Pelancongan pantai adalah merupakan salah satu tarikan yang unik dalam industri ini kerana keadaan pantai semula jadi yang cantik telah menarik minat pelancong baik dari dalam maupun dari luar negara untuk datang melancong ke negara ini. Kajian ini cuba menganalisis tentang faktor yang menarik kedatangan pelancong tempatan ke kawasan pantai. Untuk mencapai matlamat ini, satu kajian telah dilakukan di pantai Port Dickson, Negeri Sembilan dalam bulan jun 2008. Berasaskan kepada 100 responden yang dipilih secara rawak, hasil kajian mendapati bahawa kepuasan merupakan faktor utama kedatangan pelancong tempatan ke kawasan pantai. Oleh yang demikian aspek kebersihan dan kecantikan serta keselesaan kawasan pantai dan kemudahan perjalanan ke tempat destinasi merupakan aspek utama yang harus difokuskan bagi menjamin kedatangan pelancong ke kawasan pantai.

Kata kunci: industri pelancongan; pelancongan pantai; krisis ekonomi.

ABSTRACT

Tourism sector is one of the important sectors in generating national economic growth. As a result of recent economic crisis, this industry requires government to give more emphasis on the industry so that the economic slump can be restored soonest possible. Beach tourism is one of the unique attractions of the industry as beautiful natural beaches attracted both local and foreign tourists. This study intends to analyse factors that attract local tourists to the beach areas. In order to achieve this objective, a study has been conducted at the Port Dickson beach, Negeri Sembilan in June 2008. Based on 100 respondents who are randomly selected, result of the study shows that satisfaction is the main factor for local tourist arrival to beach areas. Thus, the cleanliness, scenic and comfort aspects at the beach areas, as well as travelling facilities to the area are also important aspects that need to be focused on as to guarantee continuous tourist arrival to the beach areas.

Keywords: tourism industry, beach tourism, economic crisis

1. Pendahuluan

Malaysia merupakan sebuah negara yang kaya dengan sumber alam semulajadi yang indah dan mempesonakan. Kewujudan dan keunikan flora serta faunanya adalah sebuah khazanah

alam yang tiada ternilai harganya. Malaysia juga mempunyai kawasan persisiran pantai yang indah dan menarik. Keindahan persisiran pantai yang menyamakan dan persekitaran yang mempesonakan merupakan aset penting negara dalam membantu menarik pelancong tempatan dan luar negara datang berkunjung mahupun menginap di Malaysia. Di mana kawasan persisiran pantai dan pulau yang wujud di Malaysia telah menjadi tumpuan kepada para pelancong asing mahupun domestik sebagai destinasi pelancongan utama mereka. Anugerah alam yang tercipta dan tiada ternilai ini telah menjadikan Malaysia antara sebuah negara percutian mereka yang utama. Ini telah mendorong pihak kerajaan dan badan terbabit serta agensi yang terlibat berusaha lebih gigih dalam membantu mempromosikan dan memperkenalkan Malaysia di seluruh dunia. Dengan usaha yang dijalankan seperti Tahun Melawat Malaysia, Fiesta Flora, sukan air seperti “*Monson Cup*” dan festival yang lain telah dapat membantu menarik lebih ramai lagi para pelancong asing dan tempatan untuk bercuti serta mengenali Malaysia dengan lebih mendalam. Oleh itu, ia juga dapat membantu memperkenalkan serta mempromosikan Malaysia di seluruh dunia sebagai kawasan percutian yang menarik dan mempesonakan.

Pelancongan bukan sahaja dapat membantu meningkatkan dan menambahkan sumber pendapatan negara malahan pelancongan juga merupakan satu sektor terpenting negara dalam memperkenalkan serta mempromosikan Malaysia di peringkat antarabangsa. Kedatangan para pelancong asing ke Malaysia khususnya telah banyak membantu dalam meningkatkan pendapatan negara dari segi pertukaran matawang asing. Oleh yang demikian sektor ini adalah salah satu sektor yang penting kepada negara dan juga pembangunan serta pertumbuhan ekonomi kawasan tersebut. Namun begitu, sektor pelancongan terutamanya pelancongan kawasan pantai telah lama wujud akan tetapi masih terdapat kekurangan dan perlu diperbaiki supaya ia lebih signifikan serta dikenali oleh semua golongan termasuk pelancong domestik dan pelancong asing dari luar negara. Pelancongan kawasan pantai di sesetengah negeri yang berpotensi masih ada lagi yang terbiar dan tiada usaha mahupun tindakan untuk membangunkan kawasan pantai tersebut terutamanya kawasan pantai yang berpotensi sebagai kawasan pelancongan pantai. Pembangunan sektor ini bukan sahaja dapat membantu menarik kedatangan pelancong ke kawasan pantai mereka malahan dapat membantu menambahkan pendapatan seisi keluarga dengan membuka perniagaan di kawasan tersebut seperti kedai makan, barangan kraftangan dan sebagainya. Kini kemasukan pelancong asing selain pelancong domestik telah menampakkan tren yang semakin meningkat dari tahun ke tahun. Ini terbukti dengan jumlah kedatangan pelancong asing ke Malaysia pada tahun 2006 adalah seramai 17.55 juta orang berbanding 16.43 juta orang pelancong asing yang datang pada tahun 2005. Ia menunjukkan peningkatan sebanyak 6.8% bagi tempoh tersebut. Oleh itu, sektor pelancongan perlulah diperluaskan ke seluruh negeri di Malaysia bagi membangunkan kawasan yang berpotensi besar menjadi pusat pelancongan yang unggul pada masa hadapan.

2. Isu

Di masa kegawatan ekonomi yang melanda ketika ini, industri pelancongan merupakan salah satu sumber pendapatan negara yang boleh membantu dalam pertumbuhan ekonomi di samping dapat meningkatkan pendapatan penduduk setempat. Secara amnya, Malaysia kaya dengan punca tarikan kepada para pelancong. Antaranya ialah keindahan pantainya yang menarik. Salah satu tempat yang telah menjadi lagenda di Malaysia ialah Pantai Port Dickson yang terletak di Negeri Sembilan. Keindahan pantainya telah sekian lama menjadi tumpuan pelancong baik dari dalam mahupun dari luar negara. Satu isu yang harus di ambil kira ialah apakah sebenarnya faktor yang boleh menarik pengunjung untuk datang di kawasan pantai

sebagai destinasi pelancongan mereka? Adakah kerana pantainya yang menarik atau suasana persekitaran yang aman, kemudahan infrastruktur ataupun mungkin ada faktor lain yang boleh menarik para pelancong ke kawasan tersebut. Berasaskan kepada kepentingan industri ini daripada sudut ekonomi yang meningkat satu kajian telah dilakukan ke atas 100 responden untuk mengenalpasti sebab kedatangan mereka ke kawasan pantai. Pantai Port Dickson telah di pilih sebagai mewakili pelancongan pantai. Antara perkara-perkara yang di tanya kepada responden adalah latarbelakang responden dan penilaian responden ke atas ciri-ciri generik dan ciri-ciri spesifik yang terdapat di pantai tersebut.


3. Objektif Kajian

Berasaskan kepada isu di atas, maka kajian ini bertujuan untuk:-

- i) melihat latarbelakang mereka yang berkunjung ke kawasan pantai.
- ii) mengkaji faktor kedatangan pelancong ke kawasan pantai.
- iii) menilai ciri-ciri generik yang di sediakan di pantai Port Dickson.
- iv) menilai ciri-ciri spesifik yang terdapat di pantai Port Dickson.
- v) mencadangkan perkara yang perlu dilakukan bagi menaiktaraf kawasan pelancongan pantai.

4. Lokasi Kawasan Kajian

Port Dickson terkenal kerana adanya pantai yang panjang dan indah dari Janakuasa Elektrik Tuanku Jaafar hingga ke Tanjung Tuan. Port Dickson dengan kegemilangannya yang unik menghiasi pinggir pantai Selat Melaka sepanjang kawasan perairan Negeri Sembilan. Ianya terletak 30km dari Seremban, kira-kira 60km dari KLIA, 55km dari Putrajaya – pusat baru pentadbiran negara, Cyberjaya – Koridor Raya Multimedia (MSC) negara dan lebih kurang 70km dari bandaraya Kuala Lumpur. Terdapat beberapa laluan untuk memasuki Port Dickson. Laluan yang paling sesuai untuk pengunjung Utara Semenanjung atau Selatan Semenanjung ialah dengan melalui Lebuhraya Utara - Selatan. Keluar dari jalan susur ke Seremban dan merentasi Lebuhraya Seremban – Port Dickson yang bermula dari tol Seremban. Laluan yang dihiasi dengan kehijauan alam semulajadi melalui Jalan Persekutuan membawa pengunjung terus ke persisiran pantai Port Dickson yang indah. Rajah 1 menunjukkan peta lokasi ke pantai Port Dickson.




Rajah 1: Peta lokasi pantai Port Dickson.

5. Skop Kajian

Jumlah responden bagi kajian ini terhad kepada mereka yang bercuti di kawasan pelancongan pantai Port Dickson di Negeri Sembilan Darul Khusus. Sejumlah 100 responden yang berkunjung di kawasan pantai Port Dickson pada 19hb Februari 2007 di pilih secara rawak. Soalan-soalan yang dikemukakan meliputi maklumat diri responden, tahap kepuasan terhadap kawasan percutian, tahap kepuasan terhadap ciri-ciri generik dan ciri-ciri spesifik yang terdapat di kawasan di pantai Port Dickson.

6. Pelancongan dan Kaitannya Dengan Port Pickson

Sejak awal dikenali Port Dickson adalah sinonim dengan tempat peranginan dan perkelahan yang terkenal di Semenanjung Malaysia. Sebut sahaja Port Dickson terbayanglah pantai indah yang menghiasi dengan pepohon ru melambai sehingga menggamit sesiapa sahaja menghayati suasana alam yang serba indah sambil menikmati udara nyaman dengan deruan ombak yang mengasyikkan. Sesungguhnya persisiran pantai sepanjang 18km sememangnya satu percutian yang menyeronokkan. Rajah 2 menunjukkan peta pelancongan Port Dickson.



Rajah 2: Peta Pelancongan Port Dickson, Negeri Sembilan.

7. Kajian Lepas

Terdapat beberapa penulisan yang telah dilakukan oleh penyelidik lain sebelum ini berkenaan kawasan pantai. Antaranya adalah seperti:-

Norihan Ramli (1987) dengan kajian tesis beliau bertajuk “Perkembangan Aktiviti Pelancongan Di Port Dickson”. Dalam kajian tesis tersebut beliau mengutarakan usaha oleh pihak kerajaan tempatan perlu untuk membangunkan industri pelancongan di Negeri Sembilan. Dengan andaian projek-projek yang dijalankan seolah-olah mencerminkan ‘penawaran membentuk permintaan’ dengan pelaburan yang besar dalam jangkamasa pendek dan seterusnya memperolehi keuntungan di dalam jangkamasa panjang.

Kajian beliau juga menyentuh kepada kesan-kesan negatif serta positif, masalah serta masa hadapan industri pelancongan di Negeri Sembilan.

Muhundhan a/l Mayappan (1991/1992). Kajian tesis bertajuk “Perkembangan Industri Pelancongan Di Malaysia. Kajian kes di Negeri Sembilan”. Kajian yang dijalankan mendapati pembangunan tempat-tempat bersejarah, menarik dan penganjuran pelbagai program akan menarik pelancong lebih ramai untuk datang ke Negeri Sembilan. Di mana, projek pembangunan yang dijalankan dengan secara tidak langsung akan memberikan kemudahan yang selesa kepada pelancong yang datang. Kesimpulan kepada kajian beliau mendapati industri pelancongan Negeri Sembilan mempunyai potensi yang cerah dengan perancangan pembangunan yang lebih teratur.

Keane (1996). Dalam jurnal bertajuk "*Sustaining Quality in Tourism Destinations: An Economic Model with an Application*" beliau menyatakan bahawa mempertahankan kualiti yang baik di sesuatu tempat pelancongan membolehkan reputasi destinasi dikekalkan. Dalam kajiannya, mempertahankan kualiti yang baik merupakan satu strategi yang dinamik dalam bersaing pada masa hadapan.

Clara A. Gunn (1988), dalam bukunya yang bertajuk "*Tourism Planning*", beliau menyatakan bahawa sesuatu tempat pelancongan muncul adalah disebabkan oleh faktor tarikan tempat tersebut. Tarikan telah menyebabkan pelancong datang ke kawasan tersebut. Beliau juga menyatakan tarikan sesuatu tempat pelancongan di jangka oleh potensi pelancong dan ia membekalkan motivasi serta daya tarikan kepada pelancong untuk datang. Kunci utama sesuatu tarikan menjadi faktor utama adalah bergantung kepada ukuran pelancong terhadap tahap kepuasan dan faedah yang diperolehinya. Tahap kepuasan perkhidmatan di pusat pelancongan berkait dengan kualiti perkhidmatan. Di mana, menurut beliau kualiti yang baik dapat meningkatkan kedatangan pelancong untuk ke sesuatu kawasan.

Chadee dan Mattsson (1996), dalam jurnal bertajuk "*An empirical assessment of customer satisfaction in tourism*" beliau menyimpulkan bahawa faktor tahap kualiti yang disediakan adalah faktor signifikan berbanding faktor lain dalam model regrasi yang dikaji.

LeBlane, G. (1992). Dalam jurnal bertajuk "*Factors Affecting Customer Evaluation of Service Quality in Travel Agencies: An Investigation of Customer Perception*" beliau telah membentangkan hasil kajiannya berkenaan persepsi pelancong terhadap tahap kepuasan mereka dan mendapati faktor yang berkait dengan tahap kepuasan adalah kesopanan penjual perkhidmatan, layanan yang mesra daripada penjual dan kemudahan yang disediakan lengkap serta mudah diperolehi oleh pelancong.

Pengerusi kualiti perkhidmatan pelancongan dan *World Tourism Organisation* iaitu Henryk Handszuh (1995). Melalui pembentangannya dalam seminar bertajuk "*Concepts and Application of Quality in Tourism*", hasil kajiannya mendapati perlunya faktor asas untuk perkhidmatan kualiti kepada pelancong. Beliau telah mencadangkan untuk mempertingkatkan kualiti perkhidmatan dengan mengambilkira kemudahan infrastruktur di kawasan pelancongan. Di mana, menurut beliau faktor asas tersebut adalah keselamatan dan jaminan pelancongan, kebersihan tempat dan keadaan rupa bentuk semulajadi serta perlindungan pelancong.

8. Metodologi Kajian

Sampel:


Sebanyak 100 responden telah di pilih secara rawak ke atas responden yang berkunjung ke Port Dickson pada 19hb Februari 2007. Antara soalan yang dikemukakan adalah meliputi latarbelakang responden (jantina, umur, taraf perkahwinan, pekerjaan, bermalam atau sebaliknya), sebab mengapa mereka memilih Port Dickson sebagai destinasi pelancongan pantai, ciri-ciri generik dan spesifik yang terdapat di pantai Port Dickson.

Pemprosesan data:

Data-data yang di kumpul di proses dengan menggunakan SPSS dan dipersembahkan dalam bentuk carta pai dan jadual.

9. Hasil Kajian

Jumlah kedatangan pelancong ke kawasan pantai mengikut umur.



Carta Pai 1: Peratusan kedatangan pelancong mengikut umur.

Berdasarkan kepada carta pai di atas, didapati bahawa 27% daripada yang datang ke kawasan pantai Port Dickson adalah mereka yang berumur dalam lingkungan 15-24 tahun dan mereka kebanyakannya terdiri daripada golongan pelajar. Manakala sebanyak 8% sahaja adalah mereka yang berumur dalam lingkungan 45-54 tahun. Selebihnya adalah mereka yang berumur dalam lingkungan 25-34, 35-44, 55 dan ke atas iaitu masing-masing sebanyak 21%, 20% dan 24%. Kesimpulan yang didapati bahawa kebanyakan pelancong yang datang ke kawasan pantai tersebut adalah yang berumur dalam lingkungan 15-24 tahun.

9.1 Jantina dan status perkahwinan

Jadual 1 menunjukkan jantina dan status perkahwinan pelancong yang datang ke Port Dickson. Daripada jadual 1 menunjukkan bahawa sebanyak 59 orang lelaki dan 41 orang perempuan yang di pilih sebagai responden. Daripada yang di pilih didapati 39 orang (66%) daripada lelaki yang telah berkahwin dan selebihnya 20 orang (34%) yang belum berkahwin.

Jadual 1: Kedatangan pelancong mengikut jantina dan status perkahwinan.

Jantina	Bil.	Status Perkahwinan	
		Berkahwin	Bujang
Lelaki	59	39	20
Perempuan	41	20	21

Bagi responden perempuan pula didapati 20 orang (48%) yang berkahwin dan selebihnya 21 orang (52%) yang belum berkahwin. Kesimpulannya didapati bahawa kebanyakan kaum lelaki yang datang ke pantai adalah kaum lelaki yang telah berkahwin, manakala kaum perempuan pula yang belum berkahwin.

9.2 Perbelanjaan

Jadual 2 menunjukkan jumlah perbelanjaan yang digunakan semasa melancong ke kawasan pantai.

Jadual 2: Jumlah perbelanjaan pelancong

Jumlah Perbelanjaan (RM)	Bilangan	Peratus
RM0-RM90	0	0
RM100-RM200	82	82
RM201-RM300	5	5
RM301-RM400	5	5
> RM400	8	8
Jumlah	100	100

Daripada jadual 2 didapati kebanyakan pelancong berbelanja di antara RM100-RM200 (82%). Mereka yang berbelanja lebih daripada RM400 hanya 8% sahaja. Kesimpulan yang didapati bahawa kebanyakan pelancong berbelanja dalam lingkungan RM100-RM200 semasa berkunjung ke kawasan tersebut.

9.3 Bermalam

Jadual 3 menunjukkan bilangan pelancong yang bermalam di pantai Port Dickson.

Jadual 3: Bilangan pelancong yang bermalam

Status	Bil.	Peratus
Bermalam	36	36%
Tidak bermalam	64	64%

Daripada jadual 3 ialah menunjukkan bahawa kebanyakan pelancong yang mengunjungi pantai Port Dickson tidak bermalam (64%). Ini disebabkan kebanyakan daripada mereka yang datang melancong ke pantai Port Dickson adalah terdiri dari pelancong tempatan yang tinggal berhampiran dengan kawasan tersebut (lingkungan 80km).

9.4 Faktor utama berkunjung

Jadual 4 menunjukkan faktor kedatangan pelancong ke Port Dickson

Jadual 4: Faktor kedatangan pelancong ke Port Dickson.

Faktor Berkunjung	Bil.	Peratus
Pantai yang menarik	17	17%
Penginapan yang selesa	27	27%
Nilai wang yang berpatutan	3	3%
Berhampiran dengan kawasan kediaman	53	53%
Jumlah	100	100%

Daripada jadual 4 di atas, jelas menunjukkan bahawa sebab utama pelancong datang ke Port Dickson kerana ianya berhampiran dengan kediaman (53%). Yakni dalam lingkungan 80km diikuti dengan penginapan yang selesa (27%) dan pantai yang menarik (17%).

9.5 Ciri-ciri generik

Daripada ciri-ciri generik pula didapati bahawa sebanyak 94% menyatakan mereka dapat sampai ke destinasi dengan mudah, 96% menyatakan kualiti penginapan yang berpatutan. 70% menyatakan mereka bersetuju bahawa disediakan kemudahan asas yang baik, perkhidmatan yang ditawarkan berkualiti, dapat bergerak di sekitar destinasi dengan mudah (79%) dan menawarkan pelbagai aktiviti (90%). Hal ini ditunjukkan dalam jadual 5.

Jadual 5: Ciri-ciri generik pantai Port Dickson

Ciri-ciri Generik	% Setuju
Sampai ke desinasi dengan mudah	94
Kualiti penginapan yang berpatutan	96
Terdapat kemudahan asas	70
Bergerak di sekitar destinasi dengan mudah	79
Menawarkan pelbagai aktiviti	90

9.6 Ciri-ciri spesifik

Jadual 6 menunjukkan pendapat responden tentang ciri-ciri spesifik. Kebanyakan mereka setuju (90%) bahawa pantai Port Dickson adalah bersih, ekosistem yang berkualiti (67%), persekitaran yang menawan (97%), persekitaran pantai yang selamat (91%), aktiviti pantai yang menarik (100%), sukan laut yang berkualiti (97%) dan aktiviti malam yang menarik (80%). Rujuk jadual 6.

Jadual 6: Ciri-ciri spesifik pantai Port Dickson

Ciri-ciri Spesifik	Peratus
Pantai yang bersih	90
Ekosistem yang berkualiti	67
Persekitaran pantai yang menawan	97
Persekitaran pantai yang selamat	91
Aktiviti pantai yang menarik	100
Sukan laut yang berkualiti	97
Aktiviti malam yang menarik	80

9.7 Kepuasan responden keseluruhan

Jadual 7 menunjukkan kepuasan responden secara keseluruhan.

Jadual 7: Kepuasan responden secara keseluruhan

Kepuasan responden	Bil.	Peratus
Baik	36	36
Puas hati	15	15
Perlu perubahan	49	49

Jumlah	100	100
--------	-----	-----

Daripada jadual 7 jelas menunjukkan bahawa secara keseluruhan didapati 51% daripada responden berpuas hati, manakalah 49% lagi mengatakan perlu dilakukan perubahan. Hal ini jelas menunjukkan bahawa walaupun secara keseluruhan responden berpuas hati dengan kemudahan yang terdapat di pantai Port Dickson tetapi mereka berpendapat bahawa perlu dilakukan perubahan supaya dapat meningkatkan lagi “Kualiti Pelancongan Pantai” bagi memastikan lebih ramai lagi pelancong akan memilih pantai sebagai destinasi pelancongan mereka.

10. Kesimpulan Dan Cadangan

10.1 Kesimpulan

Pelancongan merupakan salah satu sumber utama pendapatan negara terutamanya bagi negara yang mempunyai sumber alam semulajadi dan keindahan alam semulajadi yang banyak. Kedatangan para pelancong asing ke Malaysia khususnya telah banyak membantu dalam meningkatkan pendapatan negara daripada segi pertukaran matawang asing maka sektor pelancongan perlu diperluaskan. Hasil perkembangan pesat sektor pelancongan di kawasan tersebut akan menjadikan kawasan tersebut sebagai pusat pelancongan yang terkenal dan dikenali umum mahupun dunia. Ini akan membantu negara Malaysia untuk dikenali di mata dunia kerana kekayaannya daripada segi keindahan serta pemandangan yang menarik serta semulajadi. Dalam usaha kerajaan merancang strategi bagi membangunkan sektor pelancongan ini kepada skala yang lebih luas, hasil kajian yang diperolehi daripada soal selidik mendapati bahawa terdapat beberapa isu yang harus dipertimbangkan dari sudut dasar.

Berdasarkan kajian yang telah dijalankan di kawasan pelancongan pantai di Port Dickson, Negeri Sembilan mendapati pembangunan yang lebih terancang perlu dipertingkatkan bagi meningkatkan jumlah kedatangan para pelancong ke kawasan tersebut. Untuk mencapai matlamat ini, ianya memerlukan kerjasama daripada pelbagai pihak termasuklah pemilik-pemilik hotel dan resort serta para peniaga. Ini dapat dibuktikan menerusi soal selidik yang telah dijalankan, di mana daripada segi peratusan dan jumlah pelancong yang datang kebanyakannya adalah yang berumur 15-24 tahun dan kebanyakan mereka terdiri daripada golongan pelajar iaitu pelajar Institut Pengajian Tinggi Awam dan Swasta (IPTA/S).

Manakala hasil soal selidik ke atas kepuasan responden terhadap percutiannya serta kualiti ekosistem secara purata mendapati mereka berpuas hati terhadap kawasan pantai Port Dickson. Hasil kajian juga mendapati bahawa mereka yang datang ke pantai tersebut adalah mereka yang telah berkahwin. Ia berkemungkinan besar kedatangan mereka adalah untuk berbulan madu ataupun untuk bercuti.

Secara keseluruhannya, hasil kajian ini mendapati bahawa mereka yang berkunjung ke kawasan pantai Port Dickson kebanyakannya adalah golongan muda dan pertengahan umur. Di mana mereka semuanya gembira serta berpuas hati terhadap kualiti ekosistem dan mendapat kepuasan diri ketika berada di kawasan pantai tersebut. Akan tetapi mereka yang datang menginap di sekitar kawasan pantai adalah sedikit. Hal ini berlaku kerana kebanyakan mereka datang ke kawasan pantai tersebut hanyalah untuk beriadah ataupun berkelah bersama-sama keluarga di samping yang datang adalah terdiri dari mereka yang tinggal berhampiran dengan pantai Port Dickson (dalam lingkungan 80km).

10.2 Cadangan

Berdasarkan kepada dapatan kajian di atas, beberapa cadangan dikemukakan bagi memastikan pelancongan pantai dapat dinaiktaraf sebagai destinasi pelancongan yang popular. Antara cadangan yang diutarakan ialah:-

- (i) Memperbaiki dan menaiktarafkan sistem perkhidmatan terutamanya dalam sektor perhotelan dan resort. Selain keindahan pantai serta kawasannya, sistem perkhidmatan juga perlu dititikberatkan terutamanya daripada segi penginapan atau tempat bermalam bagi pengunjung atau pelancong asing mahupun tempatan. Ia juga merupakan salah satu faktor yang memberikan kepuasan kepada para pengunjung atau pelancong terhadap percutian mereka di kawasan pantai tersebut. Oleh itu, pihak yang berkenaan terutamanya pemilik hotel-hotel mahupun resort perlulah memastikan tahap perkhidmatan mereka sentiasa menepati citarasa pengunjung selain memperbaiki kelemahan yang sedia ada dari masa ke semasa. Ia bertujuan bukan sahaja memberikan kepuasan kepada pengunjung malahan ia dapat menjaga nama baik sesebuah hotel ataupun resort. Hal ini akan memberikan satu kelebihan kepada pemilik-pemilik hotel dan resort kerana kemungkinan besar pengunjung berkenaan akan datang kembali untuk menginap di hotel mahupun resort tersebut kerana perkhidmatan yang disediakan adalah yang terbaik dan cekap.
- (ii) Meningkatkan usaha memelihara serta memulihara keindahan dan persekitaran pantai. Kebersihan merupakan faktor penting dalam mengekalkan keindahan dan pemandangan yang menarik di sesebuah kawasan terutamanya pusat pelancongan. Ini kerana ia merupakan salah satu faktor kepada kedatangan pelancong tempatan mahupun asing ke kawasan tersebut. Oleh yang demikian, sesebuah kawasan pelancongan perlulah di jaga serta di pelihara dengan baik selain memelihara keindahan kawasan itu. Tugas memelihara serta memulihara dalam mengekalkan keindahan alam semulajadi adalah tanggungjawab bersama antara pengunjung dan pihak berkuasa tempatan. Oleh itu kesedaran orang ramai tentang pejagaan serta pemeliharaan keindahan alam semulajadi perlu dipertingkatkan serta diperluaskan supaya orang ramai mempunyai kesedaran sivik terhadap alam semulajadi.
- (iii) Memperluaskan kemudahan infrastruktur di kawasan pelancongan atau percutian. Kemudahan infrastruktur juga merupakan salah satu faktor yang perlu diambil kira. Ini kerana kemudahan yang baik dan sempurna akan menentukan jumlah kedatangan para pelancong ke kawasan pantai mahupun sesebuah kawasan pelancongan. Kemudahan infrastruktur yang dimaksudkan adalah kemudahan awam seperti sistem jalanraya yang sempurna dan selamat serta sistem pengangkutan yang baik dan berkesan di kawasan pantai tersebut. Kemudahan inilah yang akan membantu pelancong untuk berkunjung ke kawasan pantai tersebut. Keselesaan perjalanan dan kemudahan ke kawasan pantai akan menarik minat para pelancong ke kawasan tersebut selain daripada keindahan alam semulajadi pantai tersebut. Oleh itu, dalam memastikan kemudahan infrastruktur di kawasan pantai tersebut mencukupi selain diperluaskan dan diperbanyakkan maka kerajaan tempatan memainkan peranan penting dalam membangunkannya. Oleh yang demikian kerajaan perlulah sentiasa peka akan hal ini dalam membangunkan kawasan tersebut selain dapat memperkenalkan Malaysia di mata dunia.
- (iv) Mempromosikan serta memperkenalkan kawasan pelancongan dengan meluas.

Pembangunan sesebuah kawasan yang berpotensi sebagai pusat pelancongan adalah salah satu proses memperkenalkan kawasan tersebut sebagai kawasan pelancongan mahupun percutian kepada orang ramai. Selain itu, aktiviti-aktiviti yang dijalankan seperti pertandingan memancing di persisiran pantai, bola sepak pantai, pertandingan sukan air dan pesta air juga dapat membantu mempromosikan kawasan tersebut. Selain itu promosi secara besar-besaran baik di dalam atau luar negara sedikit sebanyak dapat membantu para pelancong untuk datang ke kawasan pantai sebagai destinasi pelancongan mereka di samping dapat memperkenalkan Malaysia di pelusuk dunia. Pihak yang berwajib seperti Kementerian Pelancongan perlu memainkan peranan utama dalam menjayakan program ini.

Rujukan

- Norihan Ramly. 1987. Perkembangan Aktiviti Pelancongan Di Port Dickson, Kertas Ilmiah, Fakulti Ekonomi, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Muhundhan a/l Mayappan. 1992. Perkembangan Industri Pelancongan Di Malaysia. Kajian Kes Di Negeri Sembilan, Kertas Ilmiah, Fakulti Ekonomi, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Keane, Michael J. 1996. "Sustaining Quality in Tourism Destinations: An Economic Model with an Application" *Applied Economics*, Taylor and Francis Journals, vol. 28 (12), pages 1545-53, December.
- Clara A. Gunn. 1988. *Tourism Planning*. Second Edition. New York Taylor And Francis.
- Chadee, D. D. and Mattsson, J. 1996. An empirical assessment of customer satisfaction in tourism, *The Service Industries Journal*, Vol. 16, July, p. 305-320 [3].
- LeBlane, G. 1992. "Factors Affecting Customer Evaluation of Service Quality in Travel Agencies: An Investigation of Customer Perception". *Journal of Travel Research*, (spring), 10-16.
- Average Occupancy Rates Of Hotels By Locality January-March 2006/2005 (atas talian) http://www.tourism.gov.my/statistic/hotels_occupancy_rates_new.asp
- Pusat Pelancongan Malaysia (atas talian) <http://www.mtc.gov.my/>
- Kementerian Pelancongan Malaysia (atas talian) <http://www.motour.gov.my/>